



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang  
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211

Laman Web: [www.pka.gov.my](http://www.pka.gov.my)  
Email: [onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)  
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld.4 (9)

Tarikh : 18 Mac 2022

**KEPADA:**

**OPERATOR TERMINAL DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN**

YBhg. Dato' /Tuan/Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG BIL. 4/2022**

**PELAKSANAAN KOMPAUN BAGI KESALAHAN PERATURAN PELABUHAN DI  
BAWAH PORT AUTHORITIES ACT 1963 (ACT 488) DAN UNDANG-UNDANG KECIL  
LEMBAGA PELABUHAN KELANG 1965**

---

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

2. Lembaga Pelabuhan Kelang ("LPK") pada menjalankan peranannya sebagai pihak berkuasa pelabuhan *Port Authorities Act 1963* (Akta 488) dan pengawalselia aktiviti pelabuhan dalam menetapkan piawaian fasiliti, dan operasi di bawah *Ports (Privatisation) Act 1990* (Akta 422), dengan izin Pequam Negara akan menguatkuasakan semula kuasa-kuasanya di bawah Perintah Lembaga Pelabuhan Kelang (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan) 1995 [P.U. (A) 268/1995].

3. Sehubungan itu, LPK akan menjalankan kuasa pengkompaunan bagi semua kesalahan-kesalahan pelabuhan di bawah Akta 488 dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang 1965 (*Kelang Port Authority By-Laws, 1965*) [L.N. 127/1965] yang diwartakan menurut seksyen 29 Akta 488 seperitimana senarai di **Lampiran 1** dengan denda sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Ringgit sahaja berkuatkuasa 01 April 2022.

4. YBhg. Dato' /Tuan/Puan dengan ini dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan pelabuhan serta bekerjasama bagi memastikan Pelabuhan Kelang dapat beroperasi mengikut piawaian tertinggi dalam memastikan keselamatan pengendalian operasi pelabuhan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung notis ini hendaklah ditujukan kepada Jabatan Keselamatan LPK di talian 03-31688211 sambungan 3026 atau emel halid@pka.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT K. SUBRAMANIAM)**

Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang  
Emel:subra@pka.gov.my

**SENARAI KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN DI BAWAH PORT AUTHORITIES ACT  
1963 (PAA) DAN UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KELANG 1965 (UUK)**

---

Bil.	Jenis Kesalahan	Peruntukan Undang-Undang
1.	Mengendalikan kargo menyeberangi persisiran tanpa kebenaran bertulis atau dengan melanggar syarat kebenaran yang dikenakan	20 PAA
2.	Mengendalikan kargo menyeberangi pengkalan, dermaga, pier tanpa kebenaran bertulis atau dengar melanggar syarat kebenaran yang dikenakan	21 PAA
3.	Gagal menghadiri <i>pilotage inquiry</i>	29I(3)(a) PAA
4.	Menghina atau mengugut Ahli atau J/kuasa Pemaliman Lembaga	29I(3)(b) PAA
5.	Gagal memberi keterangan bersumpah atau ikrar atau mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh J/kuasa Pemaliman	29I(3)(c) PAA
6.	Gagal menandatangani atau mengemukakan <i>manifest</i> seperti yang dikehendaki	32(2) PAA
7.	Gagal menyediakan, menandatangani dan mengemukakan <i>manifest</i>	32(4) PAA
8.	Merapatkan kapal tanpa kebenaran Lembaga	34(1)(a) PAA
9.	Gagal mematuhi arahan <i>superintendent</i> dermaga	34(1)(b) PAA
10.	Melanggar arahan untuk mengalihkan kapal dari mana-mana dermaga	34(1)(c) PAA
11.	Gagal melengkapkan kapal untuk membolehkan dialihkan	35(1) PAA
12.	Bertindak sebagai Malim tanpa lesen yang sah	35A(1) PAA
13.	Mengambil kerja Malim selain daripada Malim Lembaga atau yang dilesenkan oleh Lembaga	35A(2) PAA
14.	Menerima atau menawarkan kadar yang tidak wajar untuk pemaliman	35B PAA
15.	Kesalahan-kesalahan <i>authority pilot</i>	35C PAA
16.	Malim membahayakan kapal, nyawa atau anggota badan	35D PAA
17.	Gagal menggunakan Malim dalam keadaan pemaliman wajib	35E PAA
18.	Memberikan maklumat palsu kadar benam air	36 PAA
19.	Membuat kenyataan palsu	36A PAA
20.	Membuang sampah ke atas sesuatu dok	37 PAA
21.	Kapal berada atau menunggu di sisi dermaga selepas selesai memunggah, memuat, menaikkan atau menurunkan tanpa kebenaran	UUK15
22.	Mibenarkan atau menyebabkan bahan tidak mudah bakar dilebur di mana-mana tempat selain daripada tempat yang dibenarkan	UUK 18
23.	Membuang bahan buangan atau kotoran di atas dermaga	UUK 19(3)
24.	Menghisap rokok di atas dek, ruang kargo semasa memunggah atau memuat dagangan bahaya atau bahan tidak mudah bakar	UUK 30
25.	Bertindak sebagai <i>stevedores</i> tanpa lesen yang sah	UUK 49
26.	Penjaja atau kontraktor memasuki premis pelabuhan tanpa kebenaran Pengurus Besar	UUK 63(4)
27.	Menghisap rokok, melakukan pembakaran terbuka di dalam pelabuhan	UUK 65

28.	Melakukan kacau ganggu, mandi atau memancing di mana-mana dermaga	UUK 66
29.	Meletakkan barang-barang selain daripada di tempat yang dibenarkan	UUK 67
30.	Menawarkan perkhidmatan tukang kayu tanpa lesen	UUK 71
31.	Menjalankan perkhidmatan <i>ship-chandling</i> tanpa lesen	UUK 79
32.	Mengalihkan, memusnahkan atau merosakkan apa-apa harta berkaitan keretapi di dalam premis pelabuhan	UUK 80
33.	Gagal mematuhi tanda arahan lalulintas dan arahan Lembaga	UUK 81
34.	Memandu tanpa lesen di atas jalan atau dermaga	UUK 82/83
35.	Memasuki atau tinggal di dalam premis pelabuhan tanpa memiliki pas pelabuhan	UUK 84
36.	Tidak mematuhi tanda had laju	UUK 86
37.	Menghalang lalulintas atau meninggalkan kenderaan tanpa dijaga	UUK 89(1)
38.	Memandu kenderaan di atas dermaga, dok, pier atau mana-mana shed atau gudang tanpa kebenaran	UUK 89(2)
39.	Meletakkan halangan atau berjalan di sisi atau di atas trek keretapi	UUK 89(3)
40.	Membiarakan dagangan tumpah atau jatuh dari kenderaan	UUK 92
41.	Gagal memastikan dagangan diikat atau ditutup dengan sempurna atau membawa dagangan lebih muatan	UUK 93
42.	Gagal mengklasifikasikan dagangan bahaya	UUK 122
43.	Membawa masuk dagangan bahaya ke pelabuhan tanpa kebenaran	UUK 123(1)
44.	Meletakkan bekas rosak berisi dagangan bahaya di atas kapal atau dermaga tanpa kebenaran bertulis	UUK 123(3)
45.	Gagal mengambil langkah-langkah keselamatan bagi mengelakkan berlaku tindakan kimia merbahaya	UUK 124(2)
46.	Gagal menunjukkan tanda amaran dagangan bahaya	UUK 125
47.	Gagal mematuhi peruntukan berkaitan <i>berthing</i> bagi pengendalian dagangan bahaya	UUK 126
48.	Tidak mematuhi syarat-syarat bagi membolehkan kebenaran Lembaga diberi kepada kapal yang membawa dagangan bahaya di dalam <i>transit</i> untuk merapat	UUK 127
49.	Nakhoda kapal di dalam transit gagal menyediakan kapal di dalam keadaan bersedia	UUK 128
50.	Mengendalikan dagangan bahaya pada waktu selain dari yang dibenarkan	UUK 129
51.	Nakhoda gagal memastikan pemerhatian yang sewajarnya sepanjang tempoh kapal yang membawa dagangan bahaya berada di dalam pelabuhan	UUK 131
52.	Gagal melaporkan segera kemalangan yang melibatkan dagangan bahaya	UUK 132A
53.	Gagal memastikan tiada orang mabuk terlibat dalam pengendalian dagangan bahaya	UUK 132C
54.	Merokok di dalam gudang atau dalam jarak 5 meter dari pintu gudang	UUK 132D
55.	Gagal memohon permit bagi kerja pembaikan di atas kapal yang terdapat dagangan bahaya	UUK 132E
56.	Gagal mematuhi syarat dan atau peraturan berkaitan pembungkusan, <i>marking</i> dan <i>labelling</i>	UUK 132G

57.	Gagal mematuhi syarat dan atau peraturan berkaitan <i>marking</i> dan <i>placarding</i>	UUK 132H
58.	Memotong, <i>deface</i> , merosakkan atau mengganggu notis peringatan yang melibatkan dagangan berbahaya.	UUK 132I
59.	Pemilik, ejen, nakhoda atau seorang yang berkuasa ke atas kapal yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil yang terpakai	UUK 132J
60.	Nakhoda atau ejen dan <i>berth operator</i> gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dalam mengendalikan, menyimpan, mengangkut kargo berbahaya pukal cecair	UUK 132K
61.	Memasuki pelabuhan atau memunggah kargo berbahaya pukal cecair tanpa memiliki sijil kelayakan yang sah	UUK 132L
62.	Nakhoda atau operator instalasi gagal memastikan keserasian kargo berbahaya yang dipindahkan ke dalam tangki dengan sisa yang sudah ada di dalam tangki	UUK 132N
63.	Nakhoda melakukan pelepasan gas dan pencucian tangki semasa kapal berada di dalam pelabuhan tanpa kebenaran Lembaga	UUK 132O
64.	Nakhoda gagal memastikan pengudaraan yang secukupnya bagi tangki atau ruang kargo, <i>carriage</i> atau penyimpanan kargo berbahaya pukal pejal sebelum mana-mana orang memasuki semula tangki atau ruang kargo	UUK 132P
65.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal memastikan langkah berjaga-jaga yang munasabah bagi mengelakkan tumpahan dagangan bahaya di atas kapal, berth dan <i>drainage and sewage system</i> dan ke dalam air di dalam pelabuhan	UUK 132Q
66.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal memastikan paip yang digunakan untuk pemindahan liquid bulk dagangan bahaya cukup kuat, dari design yang sesuai, diselenggarakan dan diawasi semasa digunakan	UUK 132R
67.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan ke atas penggunaan <i>flexible pipelines</i> dalam mengendalikan kargo berbahaya pukal cecair	UUK 132S
68.	Nakhoda gagal memastikan <i>mooring line</i> diuruskan secukupnya bagi memuat atau memunggah kargo berbahaya pukal cecair	UUK 132T
69.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal memastikan punca api dihapuskan semasa pemindahan kargo berbahaya pukal cecair	UUK 132U
70.	<i>Berth operator</i> atau nakhoda gagal mematuhi syarat-syarat berkaitan kelengkapan elektrik	UUK 132V
71.	<i>Berth operator</i> atau nakhoda gagal memastikan langkah berjaga-jaga selepas pemindahan kargo berbahaya pukal cecair	UUK 132W
72.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal melengkapkan, menandatangani dan menyimpan <i>safety checklist</i> sebelum memulakan pemindahan kargo berbahaya pukal cecair	UUK 132X
73.	<i>Berth operator</i> gagal memasang notis amaran yang sesuai bilamana pemindahan kargo berbahaya pukal cecair dijalankan	UUK 132Y
74.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal mematuhi syarat-syarat memunggah atau memuat gas cecair di bawah suhu rendah	UUK 132AA
75.	Melakukan pemindahan kargo berbahaya pukal cecair dari kapal ke kapal tanpa kebenaran	UUK 132AC
76.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> tidak menyediakan maklumat berkaitan kargo berbahaya pukal pejal yang dikendalikan, disimpan dan diangkut di dalam pelabuhan	UUK 132AD

77.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghalang pelepasan habuk yang membahayakan dari kargo berbahaya pukal pejal	UUK 132AE
78.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan letupan akibat dari pelepasan habuk yang boleh meletup bila terbakar	UUK 132AF
79.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan penyentuhan dengan air bagi kargo berbahaya pukal pejal yang merupakan bahan atau mengandungi bahan yang boleh menghasilkan gas mudah bakar atau toksik	UUK 132AG
80.	Nakhoda dan <i>berth operator</i> gagal memastikan penyimpanan dan pengendalian kargo berbahaya pukal pejal yang merupakan bahan atau mengandungi bahan <i>oxidising</i> bagi mengelakkan kemungkinan pencemaran, percampuran yang bahaya dengan bahan yang tidak sesuai dan nyalaan	UUK 132AH
81.	Lain-lain kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil yang digubal di bawah Seksyen 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963	Sec.3 Kelang Port Authority (Compounding of Offences) Order 1995